

1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
SEPTEMBER
2008
2 ¼ jam

1103/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

BAHASA MELAYU
KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **2 bahagian**, iaitu **Bahagian A dan Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan** daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak.

Bahagian A

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat peta minda di bawah dengan teliti. *Huraikan pendapat anda tentang peranan masyarakat membantu golongan warga tua menjalani kehidupan seharian.* Panjang huraian, antara 200 hingga 250 patah perkataan.



MASYARAKAT DAN WARGA TUA

Bahagian B

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

(100 markah)

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **melebihi 350 patah perkataan**.

1. Kesedaran terhadap perlunya pengambilan makanan tambahan dalam kalangan masyarakat Malaysia semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai jenis produk makanan tambahan di pasaran. Anda telah dijemput untuk menyampaikan ceramah tentang isu tersebut kepada penduduk di sebuah taman perumahan sempena Hari Kesihatan Sedunia. Tajuk ceramah tersebut ialah “Kepentingan Pengambilan Makanan Tambahan”.

Tulis teks ceramah anda selengkapnya.

2. Kemajuan bidang teknologi maklumat dan komunikasi membawa banyak manfaat kepada kehidupan masyarakat di Malaysia.

Bincangkan.

3. Kegiatan cetak rompak yang semakin berleluasa boleh melumpuhkan industri penerbitan dan hiburan tanah air.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan kegiatan cetak rompak di negara kita dan cadangkan usaha-usaha mengatasinya.

4. Pelancong – pelancong seluruh dunia mula menjadikan negara-negara Asia Tenggara sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan negara-negara tersebut telah berupaya menawarkan pakej-pakej istimewa yang berupaya menarik kemasukan pelancong-pelancong antarabangsa.

Jelaskan sumbangan industri pelancongan terhadap negara-negara berkenaan.

5. Peribahasa kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya bermaksud usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk membolehkan seseorang itu berjaya dalam hidupnya.

Tuliskan sebuah cerpen berdasarkan peribahasa di atas.

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
September
2008
2 ½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan bagi **Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4** berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

Pahang Trial SPM 2008
<http://edu.joshuatly.com/>
<http://www.joshuatly.com/>

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca keracunan makanan dan langkah-langkah mencegahnya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebelakangan ini, kita sering mendengar berita tentang kes keracunan makanan. Isu ini bukanlah suatu perkara yang baharu, tetapi telah menjadi satu isu yang telah lama diperbincangkan oleh pihak-pihak yang terbabit. Keracunan makanan boleh berlaku di mana-mana sahaja jika cara penyediaan makanan tidak dijaga. Menurut sumber daripada Kementerian Kesihatan, dari Januari hingga Ogos tahun 2003, terdapat tiga belas kes keracunan makanan yang melibatkan 801 orang termasuk satu kematian. Daripada jumlah tersebut, 601 mangsa terdiri daripada pelajar sekolah.

Kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa golongan pelajar merupakan golongan paling tinggi yang terlibat dalam keracunan makanan. Hal ini tidak mengejutkan apabila kita sering melihat bahawa ramai pengendali makanan yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka. Ramai antara mereka yang tidak menghiraukan kebersihan makanan yang dihidangkan kepada pelanggan. Di sekeliling kita, sama ada di kantin, sekolah, restoran, gerai tepi jalan atau pasar malam terdapat peniaga yang tidak mengutamakan kebersihan makanan yang disediakan. Malah terdapat premis makanan yang tidak mempunyai kemudahan mencuci tangan dan tandas yang sempurna.

Menurut Doktor Nabil Salim dari Hospital Putrajaya, punca keracunan makanan adalah akibat daripada proses penyediaan makanan yang tidak sempurna. Mereka menjalankan kerja-kerja pengendalian makanan dengan tangan yang kotor, kuku yang kotor dan panjang, rambut tidak terurus serta tidak memakai pakaian yang sesuai. Mereka juga membiarkan premis makanan mereka kotor dan tidak membuang sampah-sarap dengan sempurna. Perbuatan menghisap rokok, batuk dan meludah semasa menyediakan atau mengendalikan makanan juga akan menyebabkan keracunan makanan.

Makanan yang tidak dimasak dengan sempurna akan menyebabkan berlakunya pembiakan mikroorganisma berbahaya. Oleh itu, elakkan daripada makan makanan yang tidak dimasak dengan sempurna. Di samping itu, buah-buahan yang tidak dicuci dengan bersih sebelum dijual kepada pengguna atau sebelum dimakan oleh individu turut menjadi penyebab keracunan makanan. Perbuatan memanaskan semula makanan yang telah lama disimpan pada suhu bilik bukanlah satu tindakan yang betul kerana cara ini tidak akan menghapuskan bakteria atau kuman penyebab keracunan makanan.

Keracunan boleh menyebabkan pelbagai komplikasi. Antaranya, tanda umum keracunan makanan ialah rasa mual, muntah, cirit-birit, pening-pening,

dan gangguan perut. Selain tanda-tanda umum, pesakit juga mengalami demam, kelesuan dan tiada selera makan. Kehilangan air dalam badan pesakit turut berlaku. Pesakit mungkin *berkeadaan kritikal* kerana kerosakan hati dan sistem saraf boleh berlaku. Keadaan ini boleh membawa maut kepada pesakit.

Walaupun kes keracunan makanan telah diketahui umum, namun kesedaran secara menyeluruh tentang bahaya keracunan ini masih belum ketara. Kita seharusnya lebih peka terhadap isu-isu berkaitan keracunan makanan yang dialami oleh masyarakat di negara kita.

(Diubahsuaikan daripada *Bahaya Keracunan Makanan*,
oleh Rohana Hamzah, *Dewan Masyarakat*, Mei 2003)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berkeadaan kritikal*. [2 markah]
- (ii) Apakah kesan-kesan yang dialami oleh manusia akibat keracunan makanan. [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, bagaimanakah pihak sekolah dapat mengatasi masalah keracunan makanan di kantin sekolah. [4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Otaknya ligat berputar mencari jalan untuk berbicara dengan seorang anak remaja yang mempunyai pendiriannya yang tersendiri. Pendirian yang diwarisi daripada nenek moyangnya. Keinginan yang mengalir dalam darahnya. Satu pendirian yang murni, mulia tetapi mungkin merugikan.

“Kau harapan keluargamu. Tidak inginkah kau membantu keluargamu dan kaummu?”

“Bapa tidak menghalang kehendak saya. Ibu cakap, saya boleh buat apa yang saya suka asalkan tidak menganiaya orang lain.”

“Betul cakap orang tuamu itu. Tetapi sebagai anak, kau wajar membela mereka. Jika ada pelajaran, boleh dapat pekerjaan yang lebih besar. Mungkin dapat jadi pegawai, ahli perniagaan ... macam anak penghulu. Adik-adikmu itu dapat disekolahkan. Engkaulah bunga bangsa belantara ini,” suara Jo sambil menatap wajah Daneng yang sugul.

Daneng memperbaiki kailnya sambil melihat ke dalam tin yang berisi dua ekor ikan haruan perang yang besar. Anak matanya yang keperangan memancar dalam genangan air mata.

“Daneng, cikgu meminta maaf jika menyinggung perasaanmu. Cikgu perlu berterus terang. Daneng perlu meneruskan pelajaran sampai SPM, sampai menara gading. Kau bijak, Daneng. Gunakanlah kebijaksanaanmu itu, mungkin untuk membantu kaummu. Setakat ini, Cuma ada lebih 50 atau 60 orang sahaja, mahasiswa kaummu di universiti.”

(Dipetik daripada ‘Lambaian Malar Hijau’
oleh Saroja Theavy a/p Balakrishnan,
dalam antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Cikgu Jo cuba memujuk Daneng agar kembali semula ke sekolah? (3 markah)
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah yang akan diambil oleh Cikgu Jo sekiranya beliau gagal memujuk Daneng ada kali ini? (3 markah)
- (iii) Huraikan satu perwatakan Cikgu Jo yang terdapat dalam petikan dan dua perwatakannya daripada keseluruhan cerpen. (3 markah)

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Telah sudah ia berkata-kata demikian lenyaplah ia.

Maka pada suatu riwayat orang tua yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang, merupakan dirinya seperti orang tua.

Telah itu Tun Mamat pun turunlah dari sana, kembali pada Laksamana dan Sang Setia. Maka segala kata Puteri Gunung Ledang itu, semuanya dikatakannya pada Laksamana dan Sang Setia. Maka Laksamana dengan segala kawannya itu pun turunlah dari atas Gunung Ledang itu, berjalan kembali ke Melaka. Berapa lamanya di jalan sampailah ke Melaka. Maka Laksamana dan Sang Setia dan Tun Mamat pun masuklah menghadap Sultan Mahmud, dan segala kata yang didengarnya itu semuanya dipersembahkannya kepada Sultan Mahmud.

Maka titah Sultan Mahmud, “Semuanya kehendaknya itu dapat kita adakan; mengeluarkan darah itu juga tiada dapat, kerana tiada sampai hati kita, melainkan berhentilah dahulu.”

(Dipetik daripada
‘Peminangan Puteri Gunung Ledang
Dalam antologi Anak Laut,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud merupakan dirinya seperti orang tua dalam petikan di atas. (2 markah)
- (ii) Nyatakan tindakan yang diambil oleh Tun Mamat setelah turun dari Gunung Ledang? (3 markah)
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah Sultan Mahmud tidak sampai hati untuk membunuh anaknya? (3 markah)

Soalan 2 (d) – Pantun

Baca pantun di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-solalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PANTUN LAPAN KERAT

Sarang merbah di celah dahan,
Tempat punai bermain di situ,
Berkejar-kejaran anak rusa,
Tampak dari tanah seberang;
Bersyukur aku kepada Tuhan,
Kalau nasib memang begitu,
Akan merana sepanjang masa,
Harap pada kasihan orang.

Bagus rupanya bunga melur,
Putih rupanya bunga pinang,
Berukir bertangkai perak,
Permainan raja perempuan;
Cawan, cerek sudah teratur,
Pinggan, mangkuk sudah terhidang,
Penganan mulia sudah terletak,
Samalah duduk kita makan.

Korek perigi di parit seberang,
Tepi parit tumbuh mengkudu,
Berselang dengan pohon puding,
Hidup subur kanan dan kiri;
Tuan pergi dagang seorang,
Tiada saudara tempat mengadu,
Tiada saudara tempat berunding,
Pandai-pandailah membawa diri.

Permatang Budi, 1991.
Antologi Kerusi
Fajar Bukti Sdn. Bhd.

- (i) Apakah maksud penganan mulia sudah terletak?

(2 markah)

- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang yang berada di perantauan? (3 markah)
- (iii) Nyatakan empat persoalan yang terdapat dalam pantun di atas. (4 markah)

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 Markah]

Jawab semua soalan

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) gembur-gembur
- (ii) hitam-legam
- (iii) kusut-masai
- (iv) semak-samun
- (v) lintang-pukang
- (vi) kering-kontang

(6 markah)

(b) Tulis semula ayat-ayat di bawah supaya menjadi **tiga** ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.

Warga tua ialah golongan berusia 50 tahun ke atas. Mereka melalui pelbagai perkembangan. Perkembangannya termasuk yang pahit dan manis. Warga tua akan mengalami banyak perubahan secara fizikal. Mereka juga mengalami perubahan kognitif. Tubuh mula menyusut, rambut gugur, reput tulang dan masalah deria. Sepatutnya mereka dihormati. Seterusnya disayangi dan didampingi. Ada dalam kalangan masyarakat moden hari ini menganggap warga tua sebagai beban.

(6 markah)

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan dan **satu** kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Abu Bakar terpaksa ditunda kerana Pengetua terpaksa menghadirkan mesyuarat yang penting.
- (ii) Puan Fatimah sedang menyiapkan deraf ucapan wakil rakyat yang akan merasmikan bangunan baru sekolah.
- (iii) Abdullah tidak terasa penat walaupun memandu dalam kesesakan jalan raya setiap kali pergi dan balik kerja.

(6 markah)

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan penggunaan kata atau istilah dan **satu** kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Pemenang perlawanan menggubah bunga dikehendaki naik ke pentas untuk menerima hadiah.
- (ii) Cerpen yang ditulis oleh saya telah disiarkan dalam ruangan 'Sudut Kreatif' majalah Dewan Siswa.
- (iii) Berjuta ringgit dibelanjakan oleh Kementerian Pelajaran kerana membiayai pembangunan ICT di sekolah-sekolah.

(6 markah)

(e) Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

- (i) Sebulat suara
- (ii) Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar.
- (iii) Bagai lalang ditiup angin

(6 markah)

Soalan 4 : Novel

[15 Markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Pengarang sering kali mengetengahkan persoalan kepincangan masyarakat dalam sesebuah novel.
Huraikan **dua** kepincangan masyarakat yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.
(7 Markah)
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, bandingkan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.
(8 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

1103/1 (PPT)

1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
SEPTEMBER
2008
2 ¼ jam

PERATURAN PEMARKAHAN
PENILAIAN BERSAMA PERCUBAAN TAHUN 2008
TINGKATAN LIMA

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Pahang**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak

PEPERIKSAAN PERCUBAAN JPNP 2008
BAHASA MELAYU KERTAS 1
GARIS PANDUAN PEMERIKSA

A. CARA PEMERIKSAAN

BAHAGIAN A:

- Pemeriksaan secara holistik berpandukan kriteria penskoran yang ditetapkan
- Isi/ idea – 3 isi/idea penting (tidak termasuk pendahuluan & penutup) dan mesti berdasarkan tugas yang diberi.
- Karangan mesti ditulis dalam jumlah kata yang ditetapkan (antara 200-250 patah kata)
- Karangan yang tidak memenuhi kepanjangan yang ditetapkan tidak boleh dimasukkan pada tahap cemerlang.
- Kesalahan ejaan tidak dipotong markah.

PEMERIKSA HENDAKLAH MEMBERI KOMEN :

- Bagi peringkat **baik – idea** sahaja.
- Bagi peringkat **memuaskan, kurang memuaskan** dan **pencapaian minimum - bahasa** dan **idea** sahaja.
- Karangan yang **tiada kata-kata puitis** seperti peribahasa, kata-kata hikmat, cogan kata dan lain-lain - markah maksimum **25 sahaja**.

BAHAGIAN B:

- Isi – bergantung kepada bilangan perkataan dan markah yang ditetapkan (minimum 3 isi / idea penting)
- Pemeriksaan secara impression berpandukan kriteria ditetapkan.
- Jika karangan :
 - a. Kurang 350 patah kata, periksa seperti biasa.
 - b. Terlalu panjang- periksa seperti biasa sehingga ke akhir karangan.
- Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
- Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan markah ejaan keseluruhan maksimum 3 markah sahaja
- Tiada pemotongan markah ejaan bagi kesalahan berulang.

- Markah bersih / muktamad hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kanan halaman pertama karangan.

Contoh	:	Bahagian A :	25 markah
		Bahagian B :	65 markah
		Jumlah :	88 markah

- Komen diberi sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa.
- Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca.

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 atas (28 – 30) (26 – 27) bawah	- Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <u>tepat</u>. - Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <u>ungkapan yang menarik</u> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan) - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <u>matang</u>.
Kepujian	20 – 25 atas (23 – 25) (20 – 22) bawah	- Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <u>luas</u>. - Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <u>jelas</u>.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
-----------	--------	----------

Memuaskan	15 – 19 atas (17 – 19) (15 – 16) bawah	- Karangan <u>masih</u> menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa <u>masih</u> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <u>masih</u> betul dan tepat. Ejaan <u>masih</u> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. - Wacananya <u>masih</u> lengkap. Unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi. - Idea <u>masih</u> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <u>masih</u> jelas.
Kurang memuaskan	10 – 14 atas (12 – 14) (10 – 11) bawah	- Karangan <u>kurang</u> menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa <u>kurang</u> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <u>kesalahan ejaan yang ketara</u>. Penggunaan kosa kata <u>terhad</u>. - Wacana <u>kurang</u> lengkap. Unsur bahasa <u>kurang</u> bervariasi. - Idea <u>kurang relevan</u> dengan tema bahan rangsangan dan huraian <u>kurang jelas</u>.
Pencapaian Minimum	01 – 09 atas (06 – 09) (01 – 05) bawah	- Calon <u>tidak</u> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. <u>Banyak</u> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. - Idea <u>tidak</u> menepati tema bahan rangsangan.

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[100 markah]**

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	• Kegramatisan – kata (morfologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	• Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	• Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) • Releven
4. PENGOLAHAN	• Wacana • Logik • Pemerenggan • Format
5. GAYA BAHASA	• Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	• Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang luas dan tepat. • Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan <u>kosa kata</u> luas dan tepat • <u>Idea relevan</u> mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai • <u>Pengolahan</u> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • <u>Wacana</u> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan <u>unsur bahasa bervariasi</u> • <u>Gaya bahasa</u> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	• Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang tepat. • Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul • <u>Laras bahasa</u> sesuai dengan tugas. • Penggunaan <u>kosa kata</u> luas dan tepat • <u>Idea relevan</u> mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • <u>Pengolahan</u> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • <u>Wacana</u> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan <u>unsur bahasa masih bervariasi</u>. • <u>Gaya bahasa masih</u> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik (peribahasa, pantun, cogan kata).

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 - 65 (58 – 65) (51 – 57)	• Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> sesuai. • Penggunaan <u>ayat majmuk</u> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> masih betul. • <u>Laras bahasa</u> sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan <u>kosa kata</u> umum. • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • <u>Pengolahan</u> masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. • <u>Wacana</u> masih lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa masih bervariasi</u>. • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
MEMUASKAN	36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	• Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> terhad. • Ayat kurang gramatis. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • <u>Laras bahasa</u> kurang sesuai. • Penggunaan <u>kosa kata</u> umum dan terhad. • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • <u>Pengolahan</u> kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. • <u>Wacana</u> masih / kurang lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> kurang bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	- Penggunaan <u>kata</u> kurang tepat. - Ayat <u>tidak gramatis</u> tetapi masih difahami. - Terdapat <u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u> yang ketara. <u>Idea masih relevan</u> / <u>idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. <u>Pengolahan</u> tidak menarik. <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. <u>Unsur bahasa</u> tidak bervariasi. <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	- Keseluruhan menunjukkan penggunaan <u>kata</u> dan <u>ayat</u> yang <u>tidak gramatis</u>. - Kesalahan <u>ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> yang ketara. <u>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas</u>/ tidak berkembang dan <u>contoh tidak sesuai</u>. <u>Pengolahan</u> tidak menarik. <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. - Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

SKEMA JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 1

BAHAGIAN A:

Soalan Bahan Rangsangan :

Lihat peta minda di bawah dengan teliti. *Huraikan pendapat anda tentang peranan orang ramai membantu golongan warga tua menjalani kehidupan seharian. Panjang huraian, antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Cadangan isi:

- i. Anak-anak perlu melaksanakan tanggungjawab menjaga ibu bapa yang telah tua
- ii. Anggota masyarakat perlu sentiasa mengambil berat/ bertanya khabar jiran tetangga yang telah lanjut usia
- iii. Golongan yang berkemampuan perlu menghulurkan bantuan berupa wang ringgit / material untuk membantu golongan ini.
- iv. Menganggap warga tua sebagai ibu bapa sendiri
- v. Menghargai sumbangan/ perjuangan warga tua yang pernah berjasa kepada negara
- vi. Mengiktiraf warga tua sebagai insan yang kaya dengan ilmu pengetahuan/ pengalaman / petua kehidupan yang sangat berguna

BAHAGIAN B:

Soalan 1:

Kesedaran terhadap perlunya pengambilan makanan tambahan dalam kalangan masyarakat Malaysia semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai jenis produk makanan tambahan di pasaran. Anda telah dijemput untuk menyampaikan ceramah tentang isu tersebut kepada penduduk di sebuah taman perumahan sempena Hari Kesihatan Sedunia. Tajuk ceramah tersebut ialah “Kepentingan Pengambilan Makanan Tambahan”.

Tulis teks ceramah anda selengkapnya.

a) Format: Ceramah

Kata alu-aluan	-	1 m
Tuan/ puan di tengah-tengah ceramah	-	1m
Penutup ceramah	-	1m
Maksimum penolakan markah format	-	2m

b) Cadangan isi:

- i. Pelengkap kepada zat yang diperlukan oleh badan akibat pengambilan makanan yang tidak seimbang.
- ii. Merawat sistem dan kerosakan tisu dalaman seseorang.
- iii. Mencantikkan wajah dan melangsingkan badan.
- iv. Membekalkan tenaga agar dapat menjalankan tugas seharian.
- v. Menambah sistem imunisasi / sistem ketahanan badan melawan penyakit.
- vi. Kaedah cepat dan mudah mengimbangi diet harian.
- vii. Isi-isi lain yang sesuai - diterima.

Soalan 2

Kemajuan bidang teknologi maklumat dan komunikasi membawa banyak manfaat kepada kehidupan masyarakat di Malaysia.

Bincangkan.

- a) Format: Tiada
- b) Cadangan isi:
 - i. Maklumat mudah, cepat dan tepat di hujung jari.
 - ii. E-ekonomi, perbankan elektronik dan kaedah talian terus (online) menjadikan kaedah pengurusan lebih efektif.
 - iii. Sistem komunikasi menjadi lebih mudah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), mel elektronik (e-mel) , video-konferensi dan lain-lain.
 - iv. Pembelajaran jarak jauh dan sebagainya.
 - v. Menjimatkan masa, kos dan tidak perlu melakukan kerja berulang-ulang.
 - vi. Kaedah penyimpanan fail / rekod yang lebih selamat dan sistematik.
 - vii. Pengesanan sistem fail/ rekod yang lebih mudah.
 - viii. Isi-isi lain yang sesuai - diterima.

Soalan 3

Kegiatan cetak rompak yang semakin berleluasa boleh melumpuhkan industri penerbitan dan hiburan tanah air.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan kegiatan cetak rompak di negara kita dan cadangkan usaha- usaha mengatasinya.

- a) Format: Tiada
- b) Cadangan isi :
 - i. Kesan :
 - ❖ Pihak yang tertentu mengaut keuntungan secara tidak sah
 - ❖ Tidak menghargai / mengiktiraf individu/ organisasi yang terlibat secara langsung
 - ❖ Melahirkan lebih ramai golongan yang suka mengambil kesempatan, tidak amanah dan tidak bertanggungjawab.
 - ❖ Pengusaha sebenar mengalami kerugian yang besar.
 - ii. Langkah –langkah mengatasi.
 - ❖ Akta Hak Cipta yang wajar dipatuhi.
 - ❖ Penguatkuasaan undang-undang / hukuman yang lebih berat terhadap pihak yang terbabit.
 - ❖ Mendidik orang ramai dan masyarakat keseluruhan supaya memulau barangan cetak rompak walaupun harganya lebih murah.
 - ❖ Menyerbu premis-premis haram yang mengendalikan aktiviti cetak rompak.

- ❖ Peranan media menguar-uarkan isu cetak rompak untuk pengajaran kepada masyarakat.
- ❖ Isi- isi lain yang sesuai - diterima

Soalan 4

Pelancong – pelancong seluruh dunia mula menjadikan negara-negara Asia Tenggara sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan negara-negara tersebut telah berupaya menawarkan pakej-pakej istimewa yang berupaya menarik kemasukan pelancong-pelancong antarabangsa.

Jelaskan sumbangan industri pelancongan terhadap negara-negara berkenaan.

- a) Format: Tiada
- b) Cadangan isi:
 - i. Mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan
 - ii. Menambah pendapatan negara
 - iii. Imbangan pembayaran yang menguntungkan negara terbabit
 - iv. Mengembangkan industri menghasilkan cenderamata/ industri sokongan
 - v. Meletakkan nama negara di persada antarabangsa/ lebih dikenali
 - vi. Kawasan tarikan pelancongan akan terus dilestarikan dari segi kemudahan prasarana

- vii. Mengukuhkan hubungan dua hala dengan negara yang dikunjungi oleh pelancong asing
- viii. Menjadikan negara-negara Asia Tenggara “syurga membeli belah”
- ix. Isi-isi lain yang sesuai - diterima

Soalan 5

Peribahasa kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya bermaksud usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk membolehkan seseorang itu berjaya dalam hidupnya.

Tuliskan sebuah cerpen berdasarkan peribahasa di atas.

- a) Format: Cerpen
 - Tajuk - 1m
 - Nama penulis - 1m
- b) Cadangan :
 - i. Cerpen yang ditulis mesti dapat menggambarkan maksud sebenar peribahasa.
 - ii. Cerpen yang dihasilkan mesti menggunakan laras cerpen yang betul.

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
September
2008

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008

TINGKATAN LIMA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Skema Jawapan Soalan 1 : Rumusan

Pahang Trial SPM 2008
<http://edu.joshuatly.com/>
<http://www.joshuatly.com/>

Pendahuluan

Petikan membincangkan sebab-sebab/faktor-faktor keracunan makanan terhadap manusia. 2 M

Isi-isi tersurat

- | | | |
|----|---|----|
| S1 | Pengendali makanan tidak menghiraukan kebersihan makanan yang dihidangkan kepada pelanggan. | 2M |
| S2 | Terdapat premis makanan yang tidak mempunyai kemudahan mencuci tangan dan tandas yang tidak sempurna. | 2M |
| S3 | Proses penyediaan makanan yang tidak sempurna. | 2M |
| S4 | Membiarkan premis makanan kotor dan tidak membuang sampah-sarap dengan sempurna. | 2M |
| S5 | Perbuatan menghisap rokok, batuk, dan meludah semasa menyediakan makanan. | 2M |
| S6 | Makanan tidak dimasak dengan sempurna | 2M |
| S7 | Buah-buahan tidak dicuci dengan bersih sebelum dijual kepada pengguna. | 2M |
| S8 | Perbuatan memanaskan semula makanan yang telah lama disimpan pada suhu bilik. | 2M |

Isi-isi terirat

- | | | |
|----|--|----|
| T1 | Ibu bapa memberi didikan kepada anak-anak tentang kebersihan makanan. | 2M |
| T2 | Media massa menyedarkan masyarakat tentang bahaya keracunan makanan. | 2M |
| T3 | Jabatan Kesihatan mengadakan pemeriksaan di premis-premis menjual makanan dari semasa ke semasa. | 2M |
| T4 | Menyita premis menjual makanan yang tidak akur / abaikan soal kebersihan. | 2M |
| T5 | Pentadbir sekolah menarik balik tender pengusaha kantin yang gagal mematuhi piawai kebersihan makanan. | 2M |
| T6 | Menggalakkan anak-anak membawa bekalan makanan ke sekolah | 2M |

Kesimpulan

Semua pihak perlu memberikan kerjasama dalam menangani masalah keracunan makanan supaya tahap kesihatan masyarakat sentiasa terjamin. 2M

Skema Jawapan Soalan 2 (a)

- | | | |
|-------|--|----|
| (i) | -Dalam situasi yang parah/tenat | 2M |
| (ii) | - rasa mual , muntah, cirit-birit, dan gangguan perut. | 1M |
| | - kehilangan air dalam badan | 1M |
| | - pesakit mengalami demam dan hilang selera makan | 1M |
| | - kerosakan hati dan sistem saraf | 1M |
| (iii) | - Pengusaha kantin hendaklah menjalani latihan kebersihan penyediaan makanan | 1M |
| | - Pihak sekolah harus mempunyai mekanisme untuk meningkatkan keupayaan pemeriksaan kantin. | 1M |
| | - Pihak sekolah perlu menyediakan tahap keselamatan makanan yang dijual di kantin. | 1M |
| | - Mengambil tindakan tegas kepada pengusaha kantin yang Ingkar tentang kebersihan. | 1M |
| | - Murid-murid didedahkan tentang kepentingan menjaga kebersihan makanan | 1M |
| | - Mengadakan kempen tentang kebersihan makanan | 1M |
| | - Mewujudkan AJK kantin supaya sentiasa memantau tahap kebersihan kantin. | 1M |
| | - Meminta kerjasama pihak kesihatan supaya sentiasa memantau kebersihan kantin. | 1M |

(Mana-mana 4 isi)

Skema Jawapan 2(b)

- | | | |
|-------|---|----|
| (i) | Cikgu Jo cuba memujuk Daneng kerana; | |
| | - merupakan harapan keluarga | 1M |
| | - Daneng perlu membantu keluarga dan kaumnya | 1M |
| | - dapat pekerjaan yang lebih baik | 1M |
| | - Daneng umpama bunga bangsa belantara | 1M |
| (ii) | Langkah-langkah yang akan diambil oleh Cikgu Jo | |
| | - berbincang dengan ibu bapa Daneng tentang potensinya dalam pelajaran | 1M |
| | - meminta bantuan ketua masyarakat/Tok Batin | 1M |
| | - meminta rakan-rakan rapat Daneng memujuknya | 1M |
| | - menggunakan khidmat pegawai Jabatan Perhutanan untuk meyakinkan Daneng bahawa alam sekitar di kampungnya tidak akan diceroboh | 1M |
| | - menggunakan khidmat orang Asli yang bergelar mahasiswa | 1M |
| (iii) | Perwatakan Cikgu Jo dalam petikan | |

- seorang guru yang prihatin
Contoh : sanggup ke rumah Daneng untuk memujuknya supaya kembali ke sekolah.
- seorang yang berpandangan jauh
Contoh : dia menyedarkan Daneng supaya meneruskan pembelajaran demi masa depannya.
- seorang yang bijaksana
Contoh : dia menggunakan pendekatan psikologi untuk memujuk Daneng.

Perwatakan Cikgu Jo dalam keseluruhan cerpen

- seorang yang tidak cepat putus asa
Contoh : dia berusaha bersungguh-sungguh memujuk Daneng.
- seorang yang ikhlas dalam tugas
Contoh : dia tidak mengharapkan apa-apa balasan daripada Daneng sebaliknya ingin melihat Daneng berjaya.
- seorang yang penyayang
Contoh : Cikgu Jo sayang akan Daneng

Skema Jawapan 2(c)

- | | | |
|-------|---|----|
| (i) | Menyamar sebagai seorang yang telah lanjut usianya | 2M |
| (ii) | Tindakan yang diambil oleh Tun Mamat | |
| | - pergi berjumpa Laksamana dan Sang Setia | 1M |
| | - memberitahu mereka tentang syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh Puteri Gunung Ledang | 1M |
| | - mereka semua berjalan kembali ke Melaka | 1M |
| (iii) | Sultan Mahmud tidak sampai hati untuk membunuh anaknya kerana; | |
| | - hanya anaknya itu satu-satunya anak lelaki kesayangannya | 1M |
| | - merupakan pewaris takhta kerajaan Melaka | 1M |
| | - sangat kasihan kepada puteranya yang tidak berdosa | 1M |
| | - perbuatannya itu sangat kejam | 1M |
| | - perbuatannya itu berdosa besar dan salah di sisi agama | 1M |

Skema Jawapan 2(d)

- | | | |
|-------|---|----|
| (i) | Kuih-muih istimewa telah tersedia | 2M |
| (ii) | Tindakan seorang perantau | |
| | - menjaga tingkah laku | 1M |
| | - sentiasa bertegur sapa dengan masyarakat | 1M |
| | - tidak sombong | 1M |
| | - menghormati adat dan budaya masyarakat setempat | 1M |
| (iii) | Empat persoalan dalam pantun | |
| | - bersyukur kepada Tuhan | 1M |
| | - reda dengan ketentuan Tuhan | 1M |
| | - menghormati tetamu | 1M |
| | - pandai membawa diri di tempat orang | 1M |

Skema Jawapan Soalan 3

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa (30 markah)

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi kesalahan **ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca** secara keseluruhan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa/ kata ganda, berikan **0 markah**.
4. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
5. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat.
6. Jika semua perkataan dipakai dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan **0 markah**.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. **Tolak $\frac{1}{2}$ markah** bagi setiap ayat yang maksudnya tidak begitu jelas.
10. Jika bina ayat daripada satu perkataan sahaja dalam pasangan perkataan, berikan **0 markah**.

- (a) gambar-gembur - Cakap-cakap yang tidak berisi

- hitam-legam - Keadaan warna yang terlalu hitam
- kusut-masai - Keadaan yang tidak terurus
- semak-samun - pelbagai rumput dan lalang
- lintang-pukang - tidak tentu arah
- kering-kontang - terlalu kering.

(b)

- (i) Warga tua ialah golongan berusia 50 tahun ke atas yang melalui pelbagai perkembangan termasuk yang pahit dan manis.
- (i) Warga tua akan mengalami banyak perubahan secara fizikal dan kognitif seperti tubuh mula menyusut, rambut gugur, reput tulang, dan masalah deria.
- (iii) Sepatutnya mereka dihormati, disayangi, dan didampingi tetapi ada dalam kalangan masyarakat moden hari ini menganggap warga tua sebagai beban.

Pemarkahan berdasarkan jadual di bawah:

Peringkat	Markah	Ciri-ciri
Baik	05-06	-3 ayat -isi lengkap dan betul -jalinan ayat sangat baik -maksud asal terpelihara
Sederhana	03-04	-3 ayat -isi kurang lengkap -jalinan ayat masih baik -terdapat sedikit rombakan dalam maksud asal ayat
Lemah	01-02	-3 ayat -isi terlalu kurang -jalinan ayat tidak betul -susunan dan maksud asal ayat tidak terpelihara sama sekali
	00	-kurang atau lebih daripada 3 ayat

(c)

- (i) Pengetua - pengetua
Menghadirkan - menghadiri
 - (ii) deraf - draf
merasmi - merasmikan
 - (iii) terasa - berasa
kesesakkan - kesesakan
- (d)
- (i) perlawanan - pertandingan
naik - tampil
 - (ii) ditulis oleh saya - saya tulis
disiarkan - tersiar
 - (iii) Berjuta - Berjuta-juta
kerana - untuk
- (e)
- (i) Bersetuju dengan sesuatu keputusan secara majoriti.
 - (ii) Berhati-hati dalam percakapan supaya tidak menyinggung perasaan orang lain.
 - (iii) tidak teguh pendirian

Skema Jawapan Soalan 4

(a) Dua kepincangan masyarakat

TERMINAL TIGA

Kepincangan	Huraian / Contoh
Masyarakat yang berfikir sempit	Ibu Rimpa tidak membenarkannya berhijrah ke Kuala Lumpur sebaliknya mahu Rimpa mewarisi pekerjaannya sebagai petani.
Masyarakat yang tidak menghormati hak beragama	Ramon memujuk Rimpa yang telah memeluk Islam supaya minum arak/tuak.
Mudah terpengaruh dengan orang luar.	Ruzaini keluar dari kampung kerana mengikut pendakwah .
Kegagalan menunaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga.	Sikap ayah Rimpa yang menghilangkan diri selama 10 tahun menyebabkan tanggungjawab menyara keluarga dilakukan oleh ibu Rimpa.

SETEGUH KARANG

Kepincangan	Huraian / Contoh
Kepercayaan karut	En. Lee masih percaya bahawa anaknya Anita membawa sial.
Menjaga tepi kain orang	Kak Sofia dan kak Maznah suka mengambil tahu tentang hubungan antara Awanis dengan Wan Asri.
Memandang rendah terhadap kebolehan kaum wanita.	Encik Johari tidak suka kepada pelatih wanita kerana menganggap mereka lemah menjalankan tugas.

Terima mana-mana isi lain yang sesuai.

(b) Perbandingan dua latar masyarakat

TERMINAL TIGA

Latar Masyarakat	Huraian / Contoh
Masyarakat yang tabah dan sabar	Rimpa tabah menghadapi pelbagai dugaan demi mencapai cita-cita.
Masyarakat yang bertanggungjawab pada keluarga.	Rimpa tetap mengambil berat tentang hal keluarga di kampung dan mencari ayahnya yang menghilangkan diri.
Masyarakat yang suka membantu	Bang Maily dan Kak Naspura sering membantu Rimpa.
Masyarakat yang rajin dan gigih menimba ilmu.	Rimpa tekun belajar dalam bidang penulisan kreatif sehingga sanggup merantau.

Terima mana-mana isi lain yang sesuai

SETEGUH KARANG

Latar Masyarakat	Huraian / contoh
Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup	Awanis reda dengan kematian ibu bapanya.
Masyarakat yang berani menyahut cabaran	Awanis sanggup menunggang motosikal tanpa brek.
Masyarakat yang gigih bekerja mencari rezeki	Budi, buruh bawah umur bekerja di ladang kelapa sawit untuk menyara keluarganya di Indonesia.
Masyarakat yang mempercayai perkara karut.	Encik Lee menganggap Anita membawa sial kepada keluarga mereka.

Terima mana-mana isi lain yang sesuai.

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT